

Dua kumpulan UMS menang anugerah KIK

UB 17-07-2012 B12

LABUAN: Dua kumpulan Universiti Malaysia Sabah (UMS) masing-masing meraih Anugerah Emas dan Perak pada Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) peringkat Wilayah Sarawak dan Sabah 2012 yang berlangsung di

Hotel Pullman, Kuching, Sarawak pada 11-12 Julai lalu.

Kumpulan Regiment meraiah Anugerah Emas selepas menyampaikan projek bertajuk "Proses Penerimaan Borang LNPT Mengambil Masa

Yang Panjang" manakala kumpulan Eureka Hrd Solution memenangi Anugerah Perak dengan tajuk projek "Kelewatan Penghantaran Laporan Kemajuan Kakitangan Akademik Yang Sedang Cuti Belajar".

Kumpulan Regiment diwakili Alna Tugon (ketua kumpulan), Noor Hapipah Samat, Stella @ Nurul Martini Gontol, Awang Jamaluddin Jumat, Mohammad Asly Buncho, Emily Singan, Shahzaryl Latif, Leopold Modies Falix, Patricia Joseph dan Anisah Awang manakala Luqman Ridha Anwar bertindak sebagai fasilitator.

Kumpulan Eureka Hrd Solution diketuai Syahrul Hazizi Asmat bersama tujuh ahli iaitu Joehan Joehari William, Abd Nawi Ngah, Adrian Amatus, Mohd Afiz

Mabni @ Matbee, Jennifer Fan, Marliana John dan Noorazian Saili manakala Fasilitator, Suhamie Sahabuddin.

Penilaian persempahan berdasarkan pengenalan, pemilihan dan definisi projek, analisis terhadap peluang penambahbaikan, pelaksanaan cadangan kreatif dan inovatif, pemantauan dan penyeragaman, pencapaian dan penciptaan nilai serta persempahan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Dato Jacob Dungau Sagan menyampaikan anugerah, sijil dan cenderamata kepada para pemenang.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah I MPC, Ahmad Fadzil Mohamad dan Pengarah MPC Wilayah Sarawak, Suhamiy Abd Talib.



KUMPULAN KIK UMS Kampus Antarakabangsa Labuan (UMS-KAL) turut menghadiri Konvensyen KIK 2012 sebagai pemerhati.



AHLI Kumpulan Regiment (duduk) dan Eureka Hrd Solution menunjukkan anugerah emas dan perak, cenderamata dan sijil yang dimenangi sempena KIK peringkat Wilayah Sarawak dan Sabah 2012.

Konvensyen yang dianjurkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) itu bertujuan memberi pendedahan kepada peserta mengenai aspek produktiviti dan inovasi, menggalakkan peningkatan aktiviti kumpulan inovatif dan kreatif di seluruh negara.

Selain itu, ia juga turut

memberi peluang kepada kumpulan inovatif dan kreatif berkongsi pengalaman serta pengetahuan dalam usaha meningkatkan lagi prestasi kumpulan.

Konvensyen itu juga bertujuan memilih kumpulan Inovatif dan kreatif terbaik di peringkat wilayah untuk dicalonkan

menyertai Konvensyen ICC MPC Peringkat Kebangsaan.

Sementara itu, UMS Kampus Antarakabangsa Labuan (UMS-KAL) turut menghantar Kumpulan KIK dan Amalan Persekutuan Berkualiti 5S sebagai pemerhati di konvensyen itu pada tahun ini.